

0789

U 0338 DEB

MAHATHIR - PEMBANGUNAN 1984

KUALA LUMPUR, 30 NOV. (BERNAMA) -- SATU STRATEGI P A R U SEDANG DIPERKENALKAN OLEH KERAJAAN UNTUK MEMRANGUNKAN KAMPUNG DAN DESA DI SELURUH NEGARA DALAM USAHA MENGURANGKAN KEMISKINAN.

MENURUT LAPORAN AKHBAR MERDEKA KELUARAN PERTAMA BULAN DISEMBER, STRATEGI ITU DIBENTUK SEBAGAI USAHA MENINGKATKAN MUTU DAN DAYA PENGELUARAN PERTANIAN DI SAMPING MENINGGIKAN PENDAPATAN PARA PETANI @AN PEKERJA DESA.

STRATEGI ITU MERANGKUMI TIGA ASPEK PEMBANGUNAN TERMASUK KEMAJUAN PERTANIAN MELALUX PENGURUSAN PERLADANGAN, PEWUJUGAN INDUSTRI KAMPUNG ATAU KEGIATAN EKONOMI EUKAN PERTANIAN YANG LAIN DAN PENGELOMPOKAN SERTA PENYUSUNAN SEMULA KAMPUNG-KAMPUNG UNTUK DIJADIKAN PUSAT-PUSAT PERTUMBUHAN BARU.

LAPORAN ITU MENGUTIP PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SEBAGAI BERKATA TAKRIF KEMISKINAN YANG DIMAKSUDKAN OLEH BELIAU DALAM USAHA MEMPERKENALKAN STRATEGI BARU ITU IALAH +KEMISKINAN MUTLAK DAN BUKAN KEMISKINAN PERBANDINGAN+.

APA YANG DIMAKSUDKAN OLEH BELIAU IALAH DEFINISI DAN UKURAN GARXS KEMISKINAN NEGARA INI TIDAK BOLEH DIBANDINGKAN DENGAN NEGARA LAIN KERANA IA ADALAH BERBEZA-BEZA. -- LAGI
1714MST 30 11 8 4

0792

U B339 DEB

MAHATHIR - PEMBANGUNAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MAHUKAN TAKRIF KEMISKINAN ITU DITERANGKAN DENGAN JELAS KEPADA MEREKA YANG MASIH BELUM MENGETI BAHAWA KADAR KEMISKINAN DI NEGARA INI TINGGI KERANA +KERAJAAN SENDIRI YANG MFLETAKANNYA DI TARAF ITU.+

BELIAU BERKATA KERAJAAN TELAH MENGGUNAKAN SATU TARAF PENDAPATAN YANG DISESUAIKAN DENGAN PETUNJUK HARGA PENGGUNA (CPI) SEMASA, SEBAGAI GARIS KEMISKINAN MUTLAK YANG DIKAITKAN DENGAN TARAF HIDUP AM RAKYAT.

+KONSEP KEMISKINAN KITA ADALAH BERLAINAN KERANA KITA BERCITA-CITA UNTUK MENCAPAI TARAF HIDUP YANG LEBIH TINGGI DARIPADA TARAF KEMISKINAN YANG BIASANYA DIFAHAMI OLEH NEGARA-NEGARA LAIN,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENEGASKAN BELIAU SENDIRI AKAN MEMERHATIKAN KEMAJUAN KEGIATAN-KEGIATAN YANG DIUSAHAKAN DAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN YANG PERLU UNTUK MENJAYAKANNYA.

+TINDAKAN SAYAINI TERMASWK TINDAKAN-TINDAKAN YANG TIDAK POPULAR,+ KATANYA. -- LAGI
1719MST 30 11 84

0793

U 8340 DEB

MAHATHIR - PEMBANGUNAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP SEMUA PEGAWAI YANG TERLIBAT BENAR-BENAR BERUSAHA MELAKSANAKAN PROGRAM YANG DISUSUN DEMI KEBAHAGIAAN RAKYAT.

KATANYA TEKAD KERAJAAN UNTUK MENGURANGKAN KEMISKINAN ADALAH SATU PERJUANGAN YANG BERTERUSAN DAN PARA PEGAWAI HARUS MENERIMA STRATEGI BARU ITU SEBAGAI SATU CABARAN YANG HARUS DIPIKUL DENGAN PENUH TANGGUNGJAWAB. -- BERNAMA

4 720MST 30 11 84